

KESAN KAEDAH MULTIMEDIA TERHADAP
PEMBELAJARAN SUBJEK GEOGRAFI
DALAM KALANGAN PELAJAR
MENENGAH RENDAH
DI KINTA UTARA

YUGESVARAN A/L MARIMUTHU

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023

**KESAN KAEDAH MULTIMEDIA TERHADAP PEMBELAJARAN SUBJEK
GEOGRAFI DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH RENDAH DI
KINTA UTARA**

YUGESVARAN MARIMUTHU


**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada16...(hari bulan)...MEI.. (bulan) 2023.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, YUGESVARAN MARIMUTHU (M20181000800), FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk : KESAN KAEDAH MULTIMEDIA TERHADAP PEMBELAJARAN SUBJEK GEOGRAFI DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH RENDAH DI KINTA UTARA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, FAUZIAH BINTI CHE LEH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk : KESAN KAEDAH MULTIMEDIA TERHADAP PEMBELAJARAN SUBJEK GEOGRAFI DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH RENDAH DI KINTA UTARA (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

1 JULAI 2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. FAUZIAH BINTI CHE LEH

PENSYARAH
JABATAN GEOGRAFI
FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UPSI/PS-SDU 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **KESAN KAEDAH MULTIMEDIA TERHADAP PEMBELAJARAN SUBJEK
GEOGRAFI DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH RENDAH DI
KINTA UTARA**

No. Matrik / Matric's No.: **M20181000800**

Saya / I: **YUGESVARAN A/L MARIMUTHU**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di
Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti
berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara
Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berhubung keselamatan atau kepentingan
Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
*Contains confidential information under the Official Secret Act
1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di
mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as
specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Handwritten signature of student)

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Handwritten signature of supervisor)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 1 JULAI 2023

PROF MADYA DR MAUZHIAH CHE LEM
Pegawai Penyelidikan Akademik
Fakulti Sains Kemahiran
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan
menyatakan sekali sebah dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period
and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana memberkati saya sepanjang masa sehingga saya dapat menyempurnakan disertasi ini. Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Fauziah Che Leh. Beliau telah banyak memberi sokongan, dorongan, bantuan, dan bimbingan kepada saya untuk menyempurnakan disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua profesor dan pensyarah yang telah mengajar dan membimbing saya sepanjang pengajian ini.

Pada masa yang sama saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jabatan Pendidikan Daerah Kinta Utara dan sekolah-sekolah kajian kerana telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian ini.

Ucapan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) kerana memberi kebenaran untuk melaksanakan kajian di sekolah.

Akhir sekali, setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan saya tujukan kepada ibu bapa, dan ahli keluarga. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi bantuan serta sokongan moral semasa saya berdepan dengan cabaran dalam melengkapkan tugas ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti kesan kaedah multimedia terhadap pembelajaran subjek geografi dalam kalangan pelajar menengah rendah di Kinta Utara. Fokus penelitian tertumpu kepada tiga pemboleh ubah kajian iaitu literasi pelajar terhadap bahan multimedia, kesan penggunaan kaedah multimedia dalam subjek Geografi dan respon pelajar terhadap penggunaan kaedah multimedia dalam proses pembelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpul data primer. Pemilihan responden menggunakan teknik pensampelan rawak mudah yang melibatkan 370 orang pelajar tingkatan satu daripada 42 sekolah di daerah Kinta Utara. Proses pengumpulan data dilaksanakan secara atas talian iaitu melalui *Googleform* dan dihantar ke *Google Drive*. Analisis deskriptif dalam bentuk peratusan, min, mod dan statistik infrensi t-test bebas digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan 97% responden mempunyai literasi berkaitan kaedah multimedia dengan menyatakan komponen multimedia dengan tepat. Seterusnya 94.7% responden menyatakan bahawa kefahaman terhadap kandungan subjek Geografi meningkat hasil penggunaan bahan multimedia. Sebanyak 94.8% responden menyatakan bahawa penggunaan multimedia memberi gambaran realistik tentang konsep-konsep Geografi. Seterusnya, ujian-t bebas menunjukkan terdapat perbezaan signifikan kesan multimedia terhadap penglibatan pelajar berdasarkan lokasi dengan nilai signifikan levene bersamaan 0.001 lebih kecil daripada 0.05. Manakala kesan penggunaan multimedia terhadap penglibatan dan kefahaman pelajar tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina dan lokasi sekolah kerana nilai signifikan levene bersamaan 0.92 lebih besar daripada 0.05. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah multimedia dalam pembelajaran subjek Geografi memberi impak positif daripada aspek menarik minat pelajar, meningkatkan kemahiran ICT, minat murid terhadap proses PdP dan juga penglibatan secara langsung dalam proses PdP. Implikasi kajian ini secara langsung dapat dijadikan sebagai panduan kepada para guru dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran Geografi berasaskan multimedia yang menarik dan menyeronokkan. Pada masa yang sama, kajian ini dapat memberi gambaran tentang bentuk-bentuk perkakasan dan perisian multimedia yang diperlukan bagi melaksanakan kaedah multimedia secara menyeluruh dalam PdP.



THE EFFECT OF MULTIMEDIA ON THE LEARNING OF GEOGRAPHY AMONG LOWER SECONDARY STUDENTS IN KINTA UTARA

ABSTRACT

The aim of this study was to examine the impact of multimedia methods on learning geographical subjects among lower secondary students in Kinta Utara. The focus of the research focused on three variables of the study, namely student literacy on multimedia materials, the effect of the use of multimedia methods in Geography subjects and students' responses to the use of multimedia methods in the learning process. This study uses a quantitative approach. A questionnaire was used to collect primary data. The selection of respondents using a simple random sampling technique involving 370 form one students from 42 schools in the Kinta Utara district. The data collection process is carried out online through *Google form* and sent to *Google Drive*. Descriptive analysis in the form of percentage and independent t-test statistics was used in this study. The findings showed that 97% of the respondents had literacy related to multimedia methods by accurately stating the multimedia component. A further 94.7% of respondents stated that understanding of the content of the subject of Geography increased as a result of the use of multimedia materials. A total of 94.8% of respondents stated that the use of multimedia gives a realistic picture of Geographical concepts. Next, an independent t-test shows that there is a significant difference in the effect of multimedia on student engagement based on location with a significant value of levene 0.001 smaller than 0.05. While the effect of using multimedia on student engagement and understanding does not show a significant difference based on gender and school location because the significant value of levene 0.92 is greater than 0.05. In conclusion, this study shows that the use of multimedia methods in learning Geography subjects has a positive impact from the aspect of attracting students, improving ICT skills, students' interest in T&L processes as well as direct involvement in the T&L process. At the same time, this study can provide insight into the forms of multimedia hardware and software needed to implement the multimedia method in T&L.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENGHANTARAN DESERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Hipotesis Kajian	7
1.6 Kerangka Teoritikal	9
1.7 Definisi Operasi	11
1.8 Skop & Batasan kajian	13
1.9 Kepentingan Kajian	14
1.9.1 Kepentingan Kajian Kepada Para Pendidik	14



1.9.2	Kepentingan Kajian Kepada Para Pelajar	14
1.10	Kesimpulan	15
BAB 2	MULTIMEDIA DALAM PROSES PEMBELAJARAN: TEORI DAN PRAKTIS	
2.0	Pengenalan	17
2.1	Inovasi dalam Teknologi Pendidikan	18
2.2	Konsep Pembelajaran	19
2.2.1	Multimedia & Proses pembelajaran	20
2.2.2	Pembelajaran & Kemahiran Memproses oleh Manusia	21
2.3	Pengajaran & Pembelajaran Interaktif	27
2.3.1	Definisi Multimedia	30
2.3.2	Multimedia Linear & Multimedia Interaktif	33
2.3.3	Multimedia Linear & Multimedia Bukan Linear	34
2.3.4	Penggunaan Media dalam Pengajaran & Pembelajaran	36
2.3.5	Kaedah Multimedia dalam PdP Geografi	42
2.3.6	Multimedia & Gender	45
2.3.7	Multimedia & Pengaruh Wilayah	48
2.4	Ciri Utama Pembelajaran	50
2.4.1	Masa Penglibatan (Real Time)	50
2.4.2	Interaktiviti	51
2.4.3	Kesepaduan	52
2.4.4	Aplikasi Multimedia	53
2.5	Saluran Penghantaran Multimedia	55

2.5.1	Penyampaian Kandungan Berasaskan CD	55
2.5.2	Penyampaian Kandungan Berasaskan Web	56
2.6	Teori Multimedia	57
2.6.1	Prinsip Perwakilan Pelbagai	59
2.6.2	Prinsip Pengkodan Dwi	59
2.7	Kesimpulan	62

BAB 3 LOKASI DAN METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	63
3.1	Lokasi dan Jangka masa Kajian	65
3.2	Reka bentuk Kajian	66
3.3	Populasi & Pensampelan	66
3.4	Kajian Rintis	68
3.5	Instrumen Kajian	69
3.5.1	Soal Selidik	70
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	72
3.7	Kaedah Analisis Data	73
3.8	Kesimpulan	74

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	75
4.1	Literasi Murid terhadap Bahan Multimedia	76
4.2	Kesan Penggunaan Bahan Bantu Multimedia dalam Subjek Geografi	84
4.3	Kesan Penggunaan Bahan Multimedia Terhadap Penglibatan Pelajar & Kefahaman Pelajar	89
4.3.1	Perbezaan Jantina dalam Kesan Penggunaan Bahan Multimedia terhadap Penglibatan Pelajar	90

4.3.2	Perbezaan Jantina dalam Kesan Penggunaan Bahan Multimedia terhadap Kefahaman Pelajar	91
4.3.3	Perbezaan Lokasi Sekolah dalam Kesan Penggunaan Bahan Multimedia terhadap Penglibatan Pelajar	93
4.3.4	Perbezaan Lokasi dalam Kesan Penggunaan Bahan Multimedia terhadap Kefahaman Pelajar	95
4.4	Respon Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Bercetak Berbanding dengan Bahan Multimedia dalam Pembelajaran Subjek Geografi	97
4.5	Kesimpulan	106

BAB 5 PERBINCANGAN & KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	107
5.1	Ringkasan Kajian	108
5.2	Perbincangan dan Kesimpulan Kajian	108
5.2.1	Literasi Murid terhadap Bahan Multimedia	108
5.2.2	Kesan Penggunaan Bahan Multimedia Terhadap Penglibatan dalam PdP dan Kefahaman Pelajar	114
5.2.3	Kesan Penggunaan Bahan Multimedia terhadap Penglibatan dalam PdP dan Kefahaman Pelajar dengan Jantina dan Lokasi Sekolah	117
5.2.4	Respon Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Multimedia dalam Subjek Geografi	122
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	130
5.4	Saranan dan Cadangan Kajian Lanjutan	131
5.5	Kesimpulan	133

RUJUKAN		134
----------------	--	-----

SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai Sekolah yang terlibat dalam Kajian
- B Borang Soal Selidik
- C Kesahan Borang Soal Selidik
- D Surat Kelulusan BP dan PDP Menjalankan Kajian
- E Analisis Nilai Kebolehpercayaan Item

**SENARAI JADUAL**

NO. JADUAL	MUKA SURAT
1.1 Model Kerangka Kajian	10
3.1 Jadual Penentuan Sampel	65
3.2 Darjah Kebolehppercayaan	66
3.3 Darjah Kebolehppercayaan Item Soal Selidik	67
3.4 Skala Likert	69
4.1 Skala Likert	83
4.2 Julat Min	83
4.3 Analisis Min dan Sisishan piawai Kesan Bahan Multimedia	85
4.4 Analisis Min dan Sisishan piawai Kesan Bahan Multimedia	86
4.5 Statistik Kumpulan Jantina	88
4.6 Ujian-T Bebas Penglibatan Pelajar	89
4.7 Statistik Kumpulan Jantina	90
4.8 Ujian-T Bebas Kefahaman Pelajar	93
4.9 Statistik Lokasi sekolah	94
4.10 Ujian-T Bebas Kefahaman Pelajar	95
4.11 Statistik Lokasi sekolah	96
4.12 Ujian-T Bebas Kefahaman Pelajar	97



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	MUKA SURAT
1.1 Model Kerangka Kajian	10
3.1 Kerangka Kajian	62
4.1 Demografi Responden	74
4.2 Literasi Pelajar tentang Bahan Multimedia	75
4.3 Komponen Multimedia	76
4.4 Peranti Akses Bahan Multimedia	77
4.5 Perisian yang Kerap Digunakan	78
4.6 Sumber Pendedahan Bahan Multimedia Kepada Pelajar	78
4.7 Sumber Perkakasan & Perisian Bahan Multimedia	79
4.8 Peranan Bahan Multimedia	80
4.9 Kemahiran ICT	81
4.10 Peningkatan Kemahiran ICT Responden	81
4.11 BBM Pilihan Responden	95
4.12 Faktor Pemilihan Bahan Multimedia	96
4.13 Kesesuaian Penggunaan Bahan Multimedia	97
4.14 Kesesuaian Penggunaan Bahan Multimedia	98
4.15 Kekangan Penggunaan Bahan Multimedia oleh Responden	99
4.16 Kelebihan Bahan Multimedia	100
4.17 Peranan Bahan Multimedia	101
4.18 Kesan Gabungan Bahan Bercetak & Bahan Multimedia	102
4.19 Cadangan Penambahbaikan Bahan Multimedia	103

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Perubahan pada proses pembelajaran dan pengajaran diadaptasi di banyak negara dengan tujuan mempersiapkan pelajar untuk mendapatkan maklumat dan kemahiran teknologi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) menyediakan pelbagai alat canggih yang dapat membantu mengubah ruang kelas yang terpencil, berpusatkan guru, dan terikat pada masa kepada persekitaran pengetahuan yang fokus kepada pelajar (Mazlan dan Noraziah, 2010). ICT dipercayai berpotensi menghidupkan persekitaran kelas dengan menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih dinamik, interaktif, dan inovatif.

Selanjutnya, ICT turut menawarkan ruang untuk pengembangan minda kreatif, baik untuk guru mahupun pelajar. Menurut Kynigos dan Kolovou (2018), perisian pendidikan diperlukan untuk mendorong guru membina dan membuat perubahan supaya mereka dapat menghasilkan kandungan yang tepat untuk digunakan bersama



pelajar. Hujah ini selaras dengan inisiatif kajian ini untuk memasukkan elemen multimedia ke dalam pengajaran mata pelajaran geografi. Melalui aktiviti dan sumber berasaskan multimedia seperti simulasi dan klip video, diharapkan proses pembelajaran menjadi lebih efektif.

Munculnya kemajuan satelit, komputer, audio, dan video membawa dimensi baharu kepada konsep multimedia. Seperti yang dijelaskan oleh Robin (2016) “*persembahan multimedia menarik sebab bersifat multimodal*”. Dengan kata lain, multimedia dapat merangsang lebih dari satu pengertian dalam satu- satu masa. Beberapa kajian dan penyelidikan berpendapat bahawa multimedia berpotensi mempengaruhi pembelajaran secara positif. Sebagai contoh, Noor et al., (2016) telah menjelaskan bahawa proses pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan juga dapat meningkatkan keberkesanannya. Menurut Kennedy (2021), skrin komputer jelas, bergrafik (visual) dan interaktif daripada media tradisional, menyebabkan pengguna mengimbas medan visual, melihat dan berinteraksi dengan ikon dan grafik, serta menggunakan peranti, seperti tetikus, untuk berinteraksi dengan bahan multimedia. Berdasarkan kajian Sallehin et al., (2015) proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia lebih menarik berbanding teknik pengajaran tradisional.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sains sosial tidak mendapat status yang tinggi di dalam bilik darjah hari ini. Sesungguhnya, Geografi, Sejarah, dan subjek sains sosial yang lain mendapat perhatian yang jauh lebih sedikit di dalam bilik darjah berbanding mata pelajaran lain (Noor et al., 2016). Sebilangan besar pelajar menilai kajian sosial sebagai salah satu





subjek yang paling tidak menarik dan tidak relevan dalam kerja kursus mereka (Noor et al., 2016).

Menurut Leming-Lee et al., (2017), tahap pemahaman masyarakat tentang sejarah dan tradisi budaya kita tidak hanya sangat rendah malah kesediaan anak muda untuk turut serta dalam kehidupan politik bersama kita juga semakin menurun. Pelajar menilai kursus pengajian sosial sebagai salah satu subjek yang paling mereka gemari dan buku teks kajian sosial sebahagian besarnya dangkal dan kosong. Kandungan yang cetek ini mungkin sukar difahami, dan konsep geografi mungkin begitu terpendil (tanpa konteks) sehingga pelajar gagal melihat perkaitan subjek dengan kehidupan mereka (Woodward-Kron, 2020). Pendidikan pengajian sosial lebih memfokuskan pada hafalan peristiwa dan tempat, dan bukannya menumpukan pada penggunaan teknik untuk menangani gaya pembelajaran yang berbeza dan proses pemikiran yang lebih tinggi. Fokus inierkemungkinan menyumbang kepada sikap negatif yang sering diluahkan oleh kanak-kanak mengenai subjek tersebut (Coyle et al., 2016).

Kurikulum pengajian sains sosial menetapkan pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan memahami persekitaran dan fenomena alam. Walau bagaimanapun, sukar bagi pelajar untuk belajar dan menghayati keajaiban geografi menggunakan teknik pendidikan tradisional (buku teks, ceramah, lembaran kerja, dan lain-lain). Kelas pengajian sosial mempunyai kecenderungan (sering dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan guru) untuk memusatkan perhatian pada subjek geografi dalam buku semata-mata, dan bukannya disatukan persekitaran atau kehidupan seharian (Gegenfurtner dan Ebner, 2019).

Oleh sebab kekurangan dalam pendidikan pengajian sosial yang disebutkan di atas, ada alasan yang baik untuk mengembangkan kaedah pengajaran baharu yang



dapat meningkatkan daya tarikan terhadap subjek dan menggembirakan pelajar. Alat pengajaran baharu boleh memberi kesan yang mendalam di dalam kelas, terutamanya jika mereka memberi tumpuan langsung kepada masalah yang paling ketara dalam pendidikan semasa. Mata pelajaran yang sukar diajar menggunakan kaedah buku teks atau bahan statik, boleh mendapat manfaat daripada sumber pengajaran tambahan yang meningkatkan proses pembelajaran. Justeru itu, penyelidikan ini bertujuan mengkaji penggunaan salah satu alat, iaitu kaedah multimedia, yang dapat membantu dalam mempelajari konsep sains sosial.

1.2 Pernyataan Masalah

Geografi adalah subjek yang sangat visual dan dilengkapi dengan penggunaan sumber multimedia (Kocalar dan Demikaya, 2017). Sumber audio-visual telah digunakan dengan berkesan di institusi pengajian tinggi untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran dalam subjek geografi. Persembahan visual dan perwakilan (representasi) adalah bahagian yang tidak dipisahkan daripada pendidikan geografi. Misalnya, gambar digital yang diimport, persembahan powerPoint, gambar satelit melalui *World Wide Web* (WWW) dan lain-lain (Nurizan, 2021).

Namun, seseorang harus berhati-hati untuk tidak hanya bergantung pada multimedia tanpa teks, sebab penyelidikan juga menunjukkan bahawa gabungan teks bersama bahan multimedia lebih menguntungkan kerana bahan menjadi lebih lengkap. Kenyataan ini menyokong kelebihan utama gabungan teks dengan multimedia untuk menyampaikan kandungan yang lengkap (Noor et al., 2016). Pelajar akan berjaya dalam tugas pembelajaran mereka jika mereka berinteraksi secara bermakna dengan bahan akademik mereka, memilih maklumat verbal dan non-

verbal yang relevan, menyusun maklumat ke dalam model mental yang sesuai, dan mengintegrasikan representasi (perwakilan) baharu dengan pengetahuan yang sedia ada ketika menggunakan multimedia (Mayer dan Alexander, 2020). Aspek penting yang diperlukan untuk pembelajaran multimedia adalah pelajar mesti dapat mewujudkan perwakilan visual dan verbal yang sesuai dalam ingatan jangka pendek secara serentak. Berdasarkan andaian dan penyelidikan, teori kognitif yang berkaitan dengan pembelajaran multimedia telah menunjukkan bagaimana orang membina pengetahuan daripada perkataan dan gambar (Mayer, 2019).

Penyelidikan turut menunjukkan bahawa pembelajaran yang lebih mendalam dicapai apabila gabungan multimedia berikut digunakan: penjelasan teks dan gambar dan bukannya penjelasan lisan sahaja; pengecualian perkataan, bunyi dan video yang tidak berkaitan; mengelakkan perwakilan lisan dan bergambar yang kompleks tanpa panduan untuk pelajar berpengetahuan rendah; dan kata-kata yang disampaikan dalam gaya perbualan yang sukar difahami, bukannya gaya penerangan terperinci (Mayer, 2019). Dalam pelaksanaan multimedia adalah jelas bahawa akal manusia adalah sistem pemprosesan maklumat dua saluran dengan kapasiti yang terbatas. Ia mempunyai saluran pemprosesan visual atau bergambar dan lisan atau pendengaran (Mayer, 2019). Setelah minda manusia menerima maklumat untuk proses kognitif, maka ia akan memilih, mengatur dan mengintegrasikan representasi mental yang menghasilkan pembelajaran yang bermakna. Proses kognitif oleh pelajar dipercayai lebih berkesan apabila kandungan bahan pembelajaran digandingkan bersama multimedia (Mayer dan Moreno, 2013).

Situasi yang menimbulkan tanda tanya ialah, sejauhmanakah penggunaan kaedah multimedia ini memberi kesan terhadap proses pembelajaran. Hal ini kerana, teknologi



dalam proses pembelajaran tidak semestinya memberikan impak positif terhadap pelajar (Patel, 2013). Dalam situasi sebenar kita beranggapan bahawa penggunaan bahan multimedia yang berlandaskan bahan ICT yang terbaru dan menarik dapat menjamin penyampaian maklumat, meningkatkan kefahaman pelajar serta menjadikan proses pembelajaran itu sesuatu yang menarik. Namun andaian itu tidak semestinya diterima bulat-bulat kerana hasil daripada rujukan kajian-kajian di atas menggalakkan penggunaan bahan multimedia dalam pembelajaran tetapi tidak memberi gambaran langsung tentang kesan penggunaannya terhadap pelajar secara keseluruhannya.

Pada masa yang sama pelbagai aspek harus diambil kira sebelum membuat generalisasi tentang kesan penggunaan bahan multimedia dalam kalangan pelajar.

Misalnya, minat pelajar (penerima) terhadap proses pembelajaran yang menggunakan bahan multimedia.

Seterusnya, kemudahan peranti, pengetahuan tentang penggunaan atau pengoperasian bahan dan kemudahan rangkaian. Aspek-aspek ini turut akan mempengaruhi atau memberi kesan terhadap penggunaan bahan multimedia dalam proses pembelajaran (Patel, 2013). Masalah ini timbul dan berterusan kerana bukan semua sekolah di negara kita dilengkapi dengan kemudahan ICT yang membolehkan implimentasi penggunaan bahan multimedia dalam proses pembelajaran. Kelompongan ini masih memberi ruang untuk dikaji tentang kesan penggunaan bahan multimedia serta kaedah memaksimumkan penggunaannya agar mendapat implikasi positif terhadap proses pembelajaran khususnya kefahaman pelajar pada kadar maksimum.



1.3 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti literasi murid terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berbentuk multimedia dalam pembelajaran subjek geografi.
- ii. Menilai kesan pelaksanaan bahan bantu multimedia dalam pembelajaran subjek geografi berdasarkan jantina dan lokasi sekolah.
- iii. Mengetahui respon pelajar terhadap penggunaan bahan bantu bercetak dengan multimedia dalam pembelajaran subjek geografi dan cadangan memaksimumkan kesan bahan multimedia dalam proses pembelajaran.

1.4 Persoalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini cuba mencari jawapan kepada beberapa persoalan.

Antara persoalan adalah seperti berikut:

- Adakah murid menguasai kemahiran menggunakan bahan multimedia dalam pembelajaran subjek geografi di bilik darjah?
- Sejauhmana kesan pelaksanaan kaedah multimedia dalam pembelajaran subjek geografi berdasarkan jantina dan lokasi sekolah?
- Apakah persepsi murid terhadap penggunaan bahan bantu multimedia dan bahan bercetak dalam pembelajaran subjek geografi?

1.5 Hipotesis Kajian

Terdapat empat hipotesis kajian yang dibina bagi membantu mencapai objektif kajian, iaitu:

Hipotesis 1

Ho: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara kesan penggunaan bahan multimedia terhadap penglibatan pelajar dalam PdP dengan faktor jantina.

Hi: Terdapat perbezaan signifikan antara kesan penggunaan bahan multimedia terhadap penglibatan pelajar dalam PdP dengan faktor jantina.

Hipotesis 2

Ho: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara kesan penggunaan bahan multimedia terhadap kefahaman pelajar dengan faktor jantina.

Hi: Terdapat perbezaan signifikan antara kesan penggunaan bahan multimedia terhadap kefahaman pelajar dengan faktor jantina.

Hipotesis 3

Ho: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara kesan penggunaan bahan multimedia terhadap penglibatan pelajar dalam PdP dengan faktor lokasi sekolah.

Hi: Terdapat perbezaan signifikan antara kesan penggunaan bahan multimedia terhadap penglibatan pelajar dalam PdP dengan faktor lokasi sekolah.

Hipotesis 4

Ho: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara kesan penggunaan bahan multimedia terhadap kefahaman pelajar dengan faktor lokasi sekolah.


Hi: Terdapat perbezaan signifikan antara kesan penggunaan bahan multimedia terhadap kefahaman pelajar dengan faktor lokasi sekolah.

1.6 Kerangka Teoritikal Kajian

Kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada kesan penggunaan bahan multimedia terhadap proses pembelajaran subjek geografi dalam bilik darjah. Sesi pembelajaran yang diharapkan dapat menunjukkan suatu kesan terhadap kefahaman pelajar, khususnya dalam peningkatan pencapaian selepas penggunaan bahan multimedia. Dalam Teori pembelajaran Behavioris, pembelajaran didefinisikan sebagai satu perubahan dalam bentuk atau frekuensi tingkah laku (Morawski dan Buke, 2019). Tingkah laku pelajar dinilai berdasarkan kemahiran penggunaan bahan multimedia dalam proses pembelajaran, ketersediaan kemudahan serta kekangan yang dihadapi ketika proses pembelajaran berlaku. Selain itu, pembelajaran memerlukan penyusunan rangsangan dalam persekitaran supaya pelajar mendapat respon dan diberi pengukuhan. Teori Pembelajaran Behavioris digunakan dalam kajian ini sebagai panduan kajian.

Perisian multimedia sebagai media dalam pengajaran, konsep penerokaan dalam pengajaran dan pembelajaran secara individu boleh dicapai berdasarkan pendekatan berikut:

- i. Pencapaian secara menyeluruh terhadap objektif pembelajaran.
- ii. Pembelajaran secara sendiri.
- iii. Menyiapkan dan memperkenalkan satu penerokaan pengalaman pelajar.



Rajah 1.1. Model Kerangka kajian. *Sumber:* Adaptasi dari *Information Processing Characteristics* oleh Daniel (1996) dalam Azelin, 2012

Model kerangka kajian menerangkan perkaitan antara guru, pelajar dan bahan multimedia dalam pembelajaran di dalam kelas. Kajian ini memfokuskan literasi penggunaan bahan multimedia dalam kalangan pelajar, kesan penggunaan bahan multimedia dalam proses pembelajaran dan respond pelajar terhadap penggunaan bahan multimedia dalam bilik darjah.

1.7 Definisi Operasi



1.7.1 Pendidikan Geografi

Geografi adalah satu cabang sains yang mengkaji tentang bumi (Goh, 2010). Cabang sains ini adalah subjek yang paling menarik kerana dapat memberikan jawapan yang kerap kali anda tanyakan kepada diri anda, misalannya, “Mengapakah hujan turun?” “Adakah semua batuan mempunyai galian?” “Mengapakah pokok tumbang boleh menyebabkan hakisan?” dan sebagainya. Pentingnya untuk manusia mempelajari ilmu geografi ini adalah untuk memahami persekitaran dengan lebih mendalam serta menilai sumber serta peluang yang terdapat dalamnya.

Dalam bidang pendidikan geografi, terdapat dua aspek utama, iaitu Geografi Fizikal yang merangkumi bumi sebagai satu sistem, batuan, laut dan lautan, iklim, luhawa, ekosistem, tumbuhan dan haiwan; dan Geografi Manusia yang merangkumi skop ekonomi, kebudayaan, politik, meterologi dan ekologi bumi yang dipengaruhi oleh kegiatan manusia (Goh, 2010).

1.7.2 Multimedia

Multimedia merupakan istilah yang sering didengar dan dibincangkan dalam kalangan ahli teknologi pendidikan masa kini. Menurut, Ekinci et al., (2009) multimedia bermaksud "gabungan yang jelas dari pelbagai media massa seperti teks, audio dan video" atau mungkin bermaksud pengembangan pakej perkakasan dan perisian berasaskan komputer yang dihasilkan secara besar-besaran dan boleh digunakan secara individu.





1.7.3 Kesan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), kesan membawa maksud sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperoleh selepas dilaksanakan. Secara amnya, kesan dalam kajian ini merujuk kepada impak penggunaan bahan multimedia dalam proses pembelajaran subjek geografi berdasarkan maklum balas daripada murid.

1.7.4 Audio

Audio didefinisikan sebagai sebarang bentuk fenomena fizikal yang dihasilkan oleh sesuatu objek. Audio pula boleh ditafsirkan sebagai sebarang bunyi dalam bentuk digital (Ekinci et al., 2009). Dalam kajian ini, audio meliputi elemen kesan-kesan bunyi rakaman suara dan juga kesan khas yang digunakan dalam perisian multimedia interaktif yang pernah digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

1.7.5 Pengajaran

Dalam kajian ini, pengajaran adalah segala proses penyampaian ilmu pengetahuan dari seorang guru kepada pelajar yang merangkumi segala aspek yang berkaitan dengan teknik-teknik, strategi, kaedah, alat-alat dan sumber-sumber tertentu. Kynigos dan Kolovou (2018) menyatakan bahawa pengajaran bermaksud usaha yang dibuat bagi membolehkan pembelajaran berlaku dalam diri seseorang. Ia merangkumi penyediaan rancangan pengajaran yang meliputi penggunaan teknik pengajaran, alat dan bahan sumber. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa pengajaran adalah usaha





yang diatur dan mempunyai matlamat, yang biasanya untuk mencapai sesuatu yang boleh diukur kejayaannya.

1.7.6 Pembelajaran

Dalam kajian ini, pembelajaran adalah satu proses yang berlaku iaitu satu perubahan dalaman, pembentukan perkaitan-perkaitan baru, ataupun potensi-potensi untuk tindak balas yang baru dalam diri seseorang. Pembelajaran membawa perubahan yang kekal dalam kebolehan seseorang. Purwita (2019) mendefinisikan pembelajaran sebagai satu proses pelajar itu membentuk cara pemikiran yang baru atau mengubahsuaikan pemikiran yang lama, seterusnya menyebabkan berlaku perubahan tingkah laku. De Sousa, Richter, dan Nel (2017) pula mendefinisikan pembelajaran sebagai sesuatu perubahan yang agak kekal dalam tingkah laku atau kebolehan yang terhasil melalui pengalaman. Ia dapat diinferensikan daripada perubahan-perubahan tingkah laku yang agak stabil lantaran interaksinya dengan persekitaran.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian yang dilaksanakan. Kajian ini dilaksanakan di Daerah Kinta Utara dengan melibatkan sebanyak 42 sekolah menengah sahaja. Bilangan populasi pula terdiri daripada pelajar tingkatan satu pada tahun 2021 yang berjumlah seramai 8328 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, hanya 370 orang pelajar dipilih secara rawak untuk dijadikan sebagai sampel. Kajian ini dilaksanakan ketika pembukaan semula sesi persekolahan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Kesannya, SOP yang ketat diamalkan di sekolah sehingga penyelidik tidak dapat berjumpa responden secara bersemuka. Seterusnya, penyelidik



terpaksa menggunakan *Google Form* bagi mengumpul data. Pada masa yang sama Pendemik Covid-19 menyebabkan sesi persekolahan secara bersemuka tertangguh bagi jangka waktu yang agak lama, secara langsung turut memberi kesan terhadap proses pembelajaran secara bersemuka.

1.9 Kepentingan Kajian

Tujuan penyelidikan ini ialah bagi menilai kesan penggunaan bahan multimedia dalam proses pembelajaran subjek geografi. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam sistem pendidikan negara.

1.9.1 Kepentingan kepada Para Pendidik

Kajian ini memfokuskan penggunaan kaedah multimedia dalam proses pembelajaran. Maka telah dibincangkan kelebihan kaedah multimedia sebagai alat bantu mengajar (ABM). Sehubungan dengan itu, para pendidik dapat menjadikan hasil dapatan kajian ini sebagai panduan dalam menyediakan perkakasan dan perisian multimedia mengikut keperluan silibus.

Pada masa yang sama, para pendidik dapat manfaat daripada kajian ini dari perspektif menilai tahap kemahiran ICT pelajar sebelum melaksanakan penggunaan multimedia dalam pembelajaran. Di samping itu, para pendidik juga dapat merancang proses pembelajaran yang dapat memaksimumkan penglibatan pelajar melalui penggunaan multimedia dalam PdP. Seterusnya, para pendidik mendapat idea dalam



mengaplikasikan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan melalui penggunaan kaedah multimedia.

1.9.2 Kepentingan Kepada Para Pelajar

Hasil, kajian ini dapat mendedahkan ketersediaan pelajar dari aspek literasi perkakasan atau perisian multimedia agar penggunaan bahan multimedia ketika proses pembelajaran berkesan dalam meningkatkan kefahaman pelajar. Di samping itu, kajian ini juga dapat mendedahkan tanggapan dan reaksi pelajar terhadap penggunaan bahan multimedia dan bahan bercetak dalam proses pembelajaran di bilik darjah.

Pada masa yang sama kajian ini juga boleh memanfaatkan para pelajar dari aspek persediaan awal tentang keperluan menguasai kemahiran ICT. Hal ini kerana bahan bantu mengajar yang digunakan di sekolah-sekolah memerlukan kemahiran untuk mengendalikan perkakasan ICT. Maka literasi tentang ICT amat penting agar dapat melibatkan diri secara langsung dalam proses pembelajaran.

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya bab ini telah membincangkan kesan kaedah multimedia dalam pembelajaran subjek geografi terhadap pelajar menengah rendah di Daerah Kinta Utara. Dalam latar belakang kajian telah dibincangkan mengenai penggunaan teknologi dalam sistem pendidikan di dunia dan di Malaysia. Kemudian skop perbincangan dikecilkan kepada penggunaan teknologi multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Objektif kajian yang selari dengan



persoalan kajian telah dibentuk. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti literasi pelajar terhadap kaedah multimedia, kesan penggunaan multimedia terhadap penglibatan pelajar dan lokasi sekolah berdasarkan jantina dan lokasi sekolah serta respon pelajar tentang penggunaan multimedia dalam proses pembelajaran. Seiringan dengan itu, empat hipotesis telah dibentuk untuk mengkaji kesan penggunaan kaedah multimedia dalam mata pelajaran Geografi. Kajian telah dilaksanakan ketika perintah kawalan pergerakan ekoran Covid-19. Oleh itu wujud pelbagai bentuk halangan dari aspek pengumpulan data. Teknik *google form* digunakan bagi mengumpul data. Kajian ini dapat memberi manfaat kepada para guru dan pelajar dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih efektif. Dalam bab yang seterusnya akan dibincangkan tentang kajian-kajian lepas tentang penggunaan kaedah multimedia.